



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
MALAYSIA



Tel: +603-2083 4000
Faks: +603-2083 4100
Portal Rasmi: www.skm.gov.my

Rujukan kami: SKM.IP.(AM) 8029/31 Jld 8 (35)
Tarikh: 20 Disember 2024

SENARAI EDARAN DI LAMPIRAN A

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PELAWAAN KEMUDAHAN PENAJAAN BIASISWA KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI (KWAPd) TAHUN 2025

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menawarkan kemudahan **Biasiswa KWAPd Tahun 2025** kepada pegawai dan kakitangan SKM, pelajar-pelajar IPT dan anggota Koperasi di seluruh Malaysia bagi peringkat Diploma, Ijazah, Sarjana Muda dan Sarjana secara sepenuh masa di Institut Pengajian Tinggi (IPT).
3. Pemohon yang berminat untuk memohon hendaklah memenuhi syarat permohonan seperti yang ditetapkan di Lampiran B.
4. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan bersama-sama dokumen tambahan yang diperlukan seperti yang dinyatakan dalam Senarai Semak permohonan. Tawaran ini dibuka **sehingga 10 Mac 2025** dan borang yang lengkap hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada **10 Mac 2025** kepada Akademi SKM untuk tindakan lanjut.

PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI




CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT.NO.: AR 5364

5. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan boleh menghubungi Puan Nur Amalina binti Dato' Abdullah/Encik Jamaluddin bin Saad di talian 03-20834095/4642 untuk sebarang pertanyaan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Melor Binti Mod Zin', written over a horizontal line.

(MELOR BINTI MOD ZIN)
Pengarah
Akademi SKM
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

LAMPIRAN A

Bil	SENARAI EDARAN
1.	Semua pegawai dan kakitangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia Changkat Semantan Off Jalan Semantan, Bukit Damansara 50490 Kuala Lumpur
2.	Semua pegawai Institut Koperasi Malaysia No. 103, Jalan Templer, PJS 7 46700 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan
3.	Anggota Koperasi di seluruh Malaysia Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) D/A Yayasan ANGKASA No. 402, Blok C, Glomac Business Centre No. 10, Jalan SS 6/1, Kelana Jaya 47301 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan

**SYARAT-SYARAT BIASISWA
KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI (KWAPd)**

1.0 Tujuan

Biasiswa KWAPd terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia yang telah menerima tawaran pengajian di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) termasuk Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan mana-mana institusi yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Penilaian Biasiswa KWAPd secara sepenuh masa dan separuh masa bagi pegawai dan kakitangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) dan IKMa serta telah disahkan jawatan. Keutamaan adalah diberikan kepada pemohon yang menganggotai sesebuah koperasi, anak kepada seseorang anggota koperasi dan pengurusan koperasi.

Program ini merupakan salah satu agenda Suruhanjaya untuk membangunkan modal insan dan meningkatkan tahap profesionalisma dalam sektor koperasi selaras dengan Prinsip ke-7 Koperasi – prihatin kepada komuniti bagi membantu anggota koperasi yang memerlukan pembiayaan kewangan.

2.0 Pengenalan

Biasiswa KWAPd adalah selaras dengan agenda Suruhanjaya untuk membangunkan modal insan dan meningkatkan tahap profesionalisma selaras dengan prinsip ketujuh gerakan koperasi iaitu prihatin kepada komuniti bagi membantu anggota koperasi yang memerlukan kemudahan kewangan.

3.0 Bidang Pengajian

Bidang pengajian yang diperakukan adalah berkaitan dengan keperluan gerakan koperasi iaitu:

Sastera Ikhtisas-

- Ekonomi / Perniagaan Tani
- Perakaunan
- Pengurusan Perniagaan
- Pentadbiran Awam
- Undang-Undang
- Pengurusan Maklumat termasuk digital dan teknologi maklumat
- Sains dan teknologi termasuk kejuruteraan
- Bidang-bidang yang ada keperluan dengan koperasi

- Bidang-bidang lain yang diluluskan oleh Suruhanjaya

4.0 Kelayakan Asas

Kelayakan asas pemohon yang diperakukan iaitu:

- Warganegara Malaysia
- Tidak melebihi umur 45 tahun pada tarikh permohonan. Walau bagaimanapun Jawatankuasa Penilaian Biasiswa KWAPd ini boleh mempertimbangkan had umur yang bersesuaian
- Anggota koperasi atau anak anggota koperasi
- Telah disahkan mendaftar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)
- Mengikuti pengajian sepenuh masa dan separuh masa bagi pegawai dan kakitangan Suruhanjaya / IKMa.
- Pengurusan koperasi.
- Tidak menerima sebarang sumbangan / tajaan daripada mana-mana Badan / Agensi / Yayasan.

5.0 Kelayakan Akademik

Kelayakan Akademik bagi membolehkan permohonan diperakukan ialah:

- Diploma
 - o Lulus Bahasa Melayu dan kredit tiga subjek dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf.
- Ijazah Sarjana Muda
 - o Lulus Bahasa Melayu dan kredit tiga subjek dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau atau setaraf; atau
 - o Lulus Diploma atau Matrikulasi dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK / CGPA 3.00; atau
 - o Lulus Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau yang diiktiraf setaraf; atau
 - o Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau setaraf.
- Sarjana
 - o Lulus Ijazah Sarjana Muda dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK / CGPA 3.00.
 - o Bagi yang tidak mencapai 3.00, hendaklah berkhidmat lebih 5 tahun.
- Doktor Falsafah (PhD)
 - o Lulus Ijazah Sarjana dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK / CGPA 3.00.
 - o Bagi yang tidak mencapai 3.00, hendaklah berkhidmat lebih 5 tahun.

- Profesional (Perakaunan)
 - o Lulus Ijazah Sarjana Muda dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK / CGPA 3.00.
 - o Bagi yang tidak mencapai 3.00, hendaklah berkhidmat lebih 5 tahun.

6.0 Skop Biasiswa

Skop biasiswa yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- Pemberian biasiswa adalah bagi yuran pengajian sahaja.
- Kemudahan biasiswa yang layak dibayar kepada pemohon yang berjaya adalah seperti berikut-

PERKARA	ANGGARAN YURAN PENGAJIAN* (RM)
Diploma	5,000.00 setahun
Ijazah Sarjana Muda (Ijazah)	8,000.00 setahun
Ijazah Sarjana (Master)	12,800.00 setahun
Doktor Falsafah (PhD) – untuk tesis dan kajian fokus kepada koperasi	13,000.00 setahun
Peringkat Profesional -Perakaunan	20,000 setahun

*Pembayaran yuran pengajian adalah berbeza mengikut institusi pengajian dan akan dibuat terus kepada Bendahari IPT berdasarkan **bil / baucar pengajian** yang diterima.

7.0 Ikatan Perjanjian

- Pelajar yang menerima tawaran biasiswa hendaklah terikat dengan satu kontrak bersama **dua (2) orang penjamin** dan Suruhanjaya boleh membebaskan penerima biasiswa untuk berkhidmat dengan pihak lain. Tempoh kontrak dengan Suruhanjaya/IKMa/mana-mana koperasi dan amaun tuntutan ganti rugi adalah seperti di bawah:

PERINGKAT / TEMPOH PENGAJIAN	TEMPOH BERKHIDMAT DENGAN SKM/IKM/MANA- MANA KOPERASI	AMAUN GANTI RUGI (RM)
		IPT
Peringkat Diploma	Sekurang-kurangnya 3 tahun Maksimum 5 tahun	Kos Sebenar
Peringkat Ijazah		

Peringkat Sarjana		
Doktor Falsafah (PHD)		
Peringkat Profesional	Tawaran peringkat profesional (perakaunan) terhad kepada pegawai kanan SKM dan IKMa yang berkhidmat lebih 5 tahun bagi; Tawaran peringkat profesional (perakaunan) terhad kepada pegawai di koperasi yang terlibat dalam pengurusan koperasi yang bekerja sekurang-kurangnya 5 tahun; Perlu menunjukkan prestasi yang baik sepanjang terikat dengan SKM/IKMa/ mana-mana koperasi	Kos Sebenar

- Perjanjian boleh ditamatkan dan tuntutan ganti rugi boleh dikenakan terhadap pelajar dan / atau penjamin sekiranya:
 - Pelajar menarik diri atau menangguh pengajian;
 - Pelajar diberhentikan pengajian kerana masalah disiplin, kelemahan akademik atau sebab-sebab lain yang telah ditetapkan di bawah peraturan IPT berkenaan; atau
 - Pelajar gagal mengekalkan prestasi akademik yang cemerlang sepanjang tempoh pengajian. Pelajar hendaklah memperoleh sekurang-kurangnya Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.0 pada setiap semester.



**SURUHANJAYA
KOPERASI
Malaysia**

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
Akademi SKM
Tingkat 7, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, off Jalan Semantan Bukit
Damansara
50490 KUALA LUMPUR

SENARAI SEMAK PERMOHONAN BIASISWA KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI (KWAPd)

A. PEMOHON	✓
Salinan Kad Pengenalan	
Salinan Sijil Kelahiran	
Salinan Bukti Keahlian Koperasi	
Salinan Surat Tawaran Pengajian Yang Dipohon	
Borang Permohonan Biasiswa KWAPd Yang Diisi oleh Pemohon	
Borang Pengesahan Maklumat di IPT	
Salinan Semua Sijil dan Keputusan Peperiksaan serta Transkrip (bermula daripada peringkat SPM hingga tertinggi)	
Salinan Sijil-Sijil Pencapaian Tertinggi Kegiatan Ko-Kurikulum / Sumbangan / Kebajikan	
Salinan Course Outline (Jadual Pengajian dan Dokumen Berkaitan)	
B. MAKLUMAT TAMBAHAN	✓
Slip Gaji Ibu Bapa / Penjaga atau Pemohon yang bekerja	
Borang J (cukai) Ibu Bapa / Penjaga atau Pemohon yang bekerja	
Surat Cuti Belajar dari Majikan (pemohon yang bekerja)	
Slip Elaun Pesara, Sijil Kematian Ibu Bapa, (jika ada)	
Salinan Bukti Keahlian Koperasi Ibu Bapa/Penjaga	

- Pengesahan permohonan hendaklah dibuat oleh Ketua Kaum/Penghulu/Penggawa, Guru Besar, Pegawai Daerah, Ketua Jabatan atau mana-mana Pegawai Kerajaan Kumpulan A dan Profesional. Bagi pemohon yang sedang dalam perkhidmatan kerajaan, pengesahan permohonan hendaklah dibuat oleh Ketua Jabatan.
- Sila susun mengikut urutan seperti di atas.



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
Akademi SKM
Tingkat 7, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan Bukit
Damansara
50490 KUALA LUMPUR

BORANG PERMOHONAN BIASISWA KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI (KWAPd)

A. BUTIR-BUTIR PEMOHON

Nama :		Lekatkan gambar terkini berukuran passport
No. Kad Pengenalan :	Tarikh Lahir :	
Alamat :		
Poskod :	Negeri :	
No. Telefon :	E-mail :	
Status Perkahwinan : Kahwin ☐ Belum Kahwin ☐ Lain-lain ☐ Nyatakan		
Warganegara Malaysia? Ya ☐ Tidak ☐ Jantina L ☐ P ☐		
Bekerja : Ya ☐ Tidak ☐		
Butiran Majikan	Nama Majikan :	
	Alamat Majikan :	
Jawatan :	Gaji Sebulan : RM	

B. BUTIRAN KURSUS YANG DIPOHON (seperti di dalam surat tawaran)

Peringkat Pengajian : Diploma ☐ Ijazah Sarjana Muda ☐ Pasca Ijazah (Sarjana/PhD/Profesional) ☐		
Institusi :	Tahun :	
Alamat Institusi :		
Kursus :	Fakulti :	
Sesi Mula Pengajian :	Tempoh Pengajian :	

C. BUTIRAN PERSEKOLAHAN & PENGHAJIAN YANG LALU

Sekolah Menengah :		
SPM / SPMV	Tahun :	Keputusan :
STPM	Tahun :	Keputusan :
Universiti/Kolej :	Tahun :	
Bidang Kursus :	Keputusan :	CGPA :
Universiti/Kolej :	Tahun :	
Bidang Kursus :	Keputusan :	CGPA :
Universiti/Kolej :	Tahun :	
Bidang Kursus :	Keputusan :	CGPA :

D. BUTIRAN KEGIATAN KO-KURIKULUM / SUMBANGAN MASYARAKAT		
Kegiatan / Sumbangan	Butiran (Sukan / Persatuan / Kebajikan dll)	Pencapaian

E. MAKLUMAT IBU BAPA / PENJAGA / PASANGAN			
Butiran	Ibu	Bapa	Pasangan
Nama			
No. Kad Pengenalan			
No. Telefon			
Pekerjaan			
Majikan			
Pendapatan Bulanan			

F. MAKLUMAT TANGGUNGAN IBU BAPA / PENJAGA / PASANGAN				
Bil.	Nama	Umur	Hubungan	Sekolah / Institut
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				
7.				
8.				
9.				
10.				

G. MAKLUMAT KEANGGOTAAN KOPERASI		
Butiran	Diri Sendiri	Ibu / Bapa
Nama Koperasi		
No. Anggota		
Alamat Koperasi		
Tarikh Mula Menjadi Anggota		

H. DEKLARASI PEMOHON	
Saya dengan ini mengaku bahawa keterangan yang diberikan adalah benar dan pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia berhak menolak mana-mana permohonan/dokumen yang tidak benar, palsu, tidak lengkap, kabur, mengelirukan atau tidak memenuhi syarat dan prosedur yang telah ditetapkan. SKM juga berhak menarik balik Biasiswa ini atau diberhentikan serta-merta dan tuntutan bayaran balik / ganti rugi boleh dibuat ke atas saya.	
Tandatangan Pemohon	Tarikh

Pemohon hendaklah menghantar Borang Permohonan berserta dokumen sokongan yang disahkan kepada alamat berikut:

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
Akademi SKM
Tingkat 7, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan Bukit
Damansara
50490 KUALA LUMPUR

- Borang permohonan ini hendaklah diisi dengan menggunakan HURUF BESAR (kecuali email)
- Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup permohonan dianggap tidak berjaya.



**SURUHANJAYA
KOPERASI
Malaysia**
(Agensi di bawah KPDNKK)

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
Akademi SKM
Tingkat 7, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan Bukit
Damansara
50490 KUALA LUMPUR

BORANG PENGESAHAN MAKLUMAT PEMOHON BIASISWA KWAPd

A. PEMOHON

Nama Pemohon	
No. Kad Pengenalan	
Peringkat Pengajian	Diploma ☐ Ijazah Sarjana Muda ☐ Pasca Ijazah (Sarjana) ☐
Nama IPT (seperti surat tawaran)	
Nama Majikan (sekiranya bekerja)	

B. PENGESAHAN OLEH IPT

Saya mengesahkan bahawa pemohon ini:

telah mendaftar sebagai pelajar Diploma ☐ Ijazah Sarjana Muda ☐ Pasca Ijazah (Sarjana) ☐ di IPT ini pada
secara **Sepenuh Masa**.

Tandatangan		No. Tel	
Nama Pegawai		E-mel	
Cap Jawatan dan IPT		Tarikh	

C. PENGESAHAN OLEH BENDAHARI / PEGAWAI KEWANGAN IPT

Saya mengesahkan bahawa pemohon ini:

Menerima/ Tidak menerima sebarang bentuk penajaan daripada IPT ini atau mana-mana pihak bagi menaja pengajiannya sekarang.
**sila nyatakan bentuk penajaan sekiranya ada.

Tandatangan		No. Tel	
Nama Pegawai		E-mel	
Cap Jawatan dan IPT		Tarikh	